



**CIAST**

## **PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

### **AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :		
AMIR BIN MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N		
TANDATANGAN :	TANDATANGAN :		
TARIKH :	TARIKH :		
1 .02.2018	1 .02.2018		
NO. DOKUMEN :			
<b>CIAST-PKKP-05</b>			
NO. SEMAKAN : 1	NO. RPD : 0	TKH. KUATKUASA : 01.02.2018	MUKA SURAT : 1 DRP 9

 <b>CIAST</b>  <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	NO. RPD : 0
<b>TKH. KUATKUASA : 01.10.09</b>		
<b>MUKA SURAT : 2 DRPD 9</b>		

## 1.0 OBJEKTIF

Objektif prosidur ini adalah untuk;

- 1.1 Menjelaskan kaedah perlaksanaan Audit Keselamatan dan Kesihatan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 1.2 Memeriksa dan menilai status pencapaian pengurusan keselamatan dan kesihatan berdasarkan pensampelan amalan sebenar dan/atau kelengkapan dalam sesuatu operasi.
- 1.3 Memberikan maklumbalas yang boleh disahkan oleh Pengarah berdasarkan pemeriksaan dan penilaian yang dijalankan.
- 1.4 Mengesahkan tahap pematuhan terhadap keperluan legislatif, standard, prosedur dan garis panduan.
- 1.5 Mencadangkan sebarang perubahan dan pemantauan yang perlu.
- 1.6 Meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan sejajar dengan dasar dan objektif organisasi.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Prosidur ini hendaklah digunakan semasa Audit Keselamatan dan Kesihatan dijalankan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

## 3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan hendaklah bertanggungjawab menyelaras Audit Keselamatan dan Kesihatan di CIAST.
- 3.2 Ketua Program/Jabatan/Bahagian/Ketua Unit atau mana-mana wakil hendaklah berkerjasama dengan Juruaudit Keselamatan dan Kesihatan.
- 3.3 Semua Program/Jabatan/Bahagian/Unit hendaklah bertanggungjawab mengambil tindakan pembetulan yang sesuai di atas apa-apa cadangan pembaikan.

 <b>CIAST</b> <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	NO. RPD : 0
		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 3 DRPD 9

#### 4.0 DEFINASI DAN TERMINOLOGI

- |           |   |   |
|-----------|---|---|
| 4.1 CIAST | - | Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan.                              |
| 4.2 PPK   | - | Pembangunan Pengajar Kemahiran  |
| 4.3 SPD   | - | <i>Skill Profesional Development</i><br>(Pembangunan Profesional Kemahiran) |
| 4.4 PPL   | - | Perancangan Dan Pembangunan Latihan   |
| 4.5 KK    | - | Kelayakan Kekompetenan  |
| 4.6 PEM   | - | Pembelajaran Elektronik Multimedia  |
| 4.7 BKP   | - | Bahagian Khidmat Pengurusan   |
| 4.8 KP    | - | Ketua Program   |
| 4.9 KJ    | - | Ketua Jabatan   |
| 5.0 KB    | - | Ketua Bahagian  |
| 5.1 KU    | - | Ketua Unit  |
| 5.2 JPKK  | - | Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan                           |

#### 5.0 PROSIDUR

##### 5.1 KEKERAPAN AUDIT

- 5.1.1 Ketua Juruaudit bertanggungjawab menganjur, menyediakan **JADUAL AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN** (No. Dokumen : BKKP-05-01), dan menyelaraskan perancangan audit keselamatan dan kesihatan sekurang-kurangnya Dua (2) kali setahun atau sekiranya diminta oleh Pengarah.

##### 5.2 PERANCANGAN AUDIT

Perancangan audit hendaklah disediakan berdasarkan perkara berikut;

 <b>CIAST</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
<b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 4 DRPD 9

### 5.2.1 Objektif Audit

5.2.1.1 Objektif audit hendaklah menerangkan tujuan audit keselamatan dan kesihatan dijalankan.

### 5.2.2 Skop Audit

5.2.2.1 Skop audit hendaklah menerangkan had atau sempadan perlaksanaan audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.2.2.2 Skop audit hendaklah disediakan berdasarkan salah satu atau keseluruhan perkara berikut;

- a. Keseluruhan fungsi dan proses bahagian atau tempat kerja.
- b. Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- c. Arahan kerja dan keberkesanannya.
- d. Tindakan susulan keputusan audit dan tindakan pembetulan atau pencegahan.
- e. Pematuhan kepada pengesahan peraturan.
- f. Pengawasan laporan/rekod.
- g. Identifikasi dan penilaian jangkaan dan kesan.
- h. Latihan

### 5.2.3 Kriteria Audit

5.2.3.1 Pemilihan kriteria audit hendaklah ditentukan berdasarkan skop audit.

5.2.3.2 Pemilihan kriteria audit hendaklah dari mana-mana perkara berikut;

- a. Status Program Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di CIAST.
- b. Isu berbangkit daripada pihak yang berkaitan.
- c. Semakan kecemasan, situasi dan tindakan.
- d. Kepentingan kesan/hazard.
- e. Semakan keseluruhan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di CIAST.

 <b>CIAST</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	NO. RPD : 0
<b>CIAST-PKKP-05</b>		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 5 DRPD 9

#### 5.2.4 Jadual Audit

5.2.4.1 Jadual Audit Keselamatan dan Kesihatan (No. Dokumen : BKKP-05-01) hendaklah disediakan oleh Ketua Juruaudit dengan mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan.

#### 5.2.5 Kaedah Audit

- 5.2.5.1 Audit hendaklah dijalankan dengan mana-mana kaedah berikut;
- Temuduga
  - Soal selidik
  - Pemerhatian
  - Senarai semak
  - Pengesahan
  - Semakan dokumen, rekod dan proses kerja

#### 5.2.6 Pasukan Audit

- 5.2.6.1 Pasukan audit hendaklah dianggotai oleh;
- Ketua Juruaudit
  - Juruaudit
  - Pemerhati (jika berkenaan)

### 5.3 KELAYAKAN JURUAUDIT

#### 5.3.1 Ketua Juruaudit

- 5.3.1.1 Telah menghadiri Kursus Lanjutan Asas Pengauditan Keselamatan dan Kesihatan, dan
- 5.3.1.2 Lebih dari Dua (2) kali melibatkan diri sebagai pemerhati dalam Audit Keselamatan dan Kesihatan Dalaman.

#### 5.3.2 Juruaudit

- 5.3.2.1 Telah menghadiri Kursus Asas Pengauditan Keselamatan dan Kesihatan atau mempunyai kelayakan sebagai juruaudit dalam ISO 9001.

 <b>CIAST</b> <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>  <b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	<b>NO. SEMAKAN : 1</b> <b>NO. RPD : 0</b> <b>TKH. KUATKUASA : 01.10.09</b> <b>MUKA SURAT : 6 DRPD 9</b>
---	---	--

5.3.2.2 Pernah melibatkan diri sebagai pemerhati semasa Audit Keselamatan dan Kesihatan Dalaman sekurang-kurangnya sekali.

5.3.2.3 Juruaudit hendaklah bukan pegawai atau kakitangan daripada bahagian yang diaudit.

#### 5.3.3 Pemerhati

5.3.3.1 Mana-mana pegawai dan kakitangan CIAST yang berminat, kontraktor atau pembekal.

### 5.4 PROSES AUDIT

#### 5.4.1 Tindakan Sebelum Audit

5.4.1.1 Ketua Juruaudit hendaklah mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan pasukan audit untuk membincangkan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas audit termasuk perbincangan tentang penemuan audit yang lepas.

5.4.1.2 Rujuk perkara 5.1.1

5.4.1.3 Ketua Juruaudit bertanggungjawab menyediakan dokumen dan rekod berikut;

a. **SENARAI SEMAK AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN** (No. Dokumen : BKKP-05-02).

b. Borang **LAPORAN KETAKAKURAN(NCR)** (No. Dokumen : BKKP-05-03).

c. Lain-lain dokumen dan rekod yang diperlukan.

5.4.1.4 Adalah menjadi tanggungjawab juruaudit memahami proses dan prosedur yang akan diaudit.

 <b>CIAST</b> <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>  <b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	<b>NO. SEMAKAN : 1</b> <b>NO. RPD : 0</b> <b>TKH. KUATKUASA : 01.10.09</b> <b>MUKA SURAT : 7 DRPD 9</b>
---	---	--

#### **5.4.2 Tindakan Semasa Audit**

- 5.4.2.1 Ketua Juruaudit hendaklah memulakan audit dengan Mesyuarat Pembukaan (*Opening Meeting*) bersama-sama dengan juruaudit, pegawai pengiring daripada bahagian/unit, pemerhati dan sesiapa yang berkenaan sebelum audit dijalankan. Agenda mesyuarat ini adalah seperti berikut:-

  - 5.4.2.1.1 Memaklumkan cara penemuan audit akan dilaporkan termasuk ketakakuran sekiranya ada.
  - 5.4.2.1.2 Memaklumkan juga format Mesyuarat Penutup (*Closing Meeting*), tarikh, tempat dan masa mesyuarat akan diadakan.

- 5.4.2.2 Juruaudit hendaklah menjalankan audit ke atas proses-proses yang ditetapkan bagi mengesahkan perlaksanaan proses-proses berkenaan mematuhi kehendak sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan CIAST.
- 5.4.2.3 Juruaudit hendaklah mencatatkan respon auditee di dalam Senarai Semak Audit Keselamatan dan Kesihatan (No. Dokumen : *BKKP-05-02*).
- 5.4.2.4 Juruaudit hendaklah mencatatkan penemuan audit di dalam borang Laporan Ketakakuran (NCR) (No. Dokumen : *BKKP-05-03*).

#### **5.4.3 Tindakan Selepas Audit**

- 5.4.3.1 Ketua juruaudit hendaklah mengadakan perbincangan di antara juruaudit mengenai penemuan-penemuan audit di peringkat unit.
- 5.4.3.2 Bagi laporan ketakakuran yang memerlukan tindakan pembaikan, juruaudit hendaklah merekodkannya di dalam borang Laporan Ketakakuran (NCR) (No. Dokumen : *BKKP-05-03*).
- 5.4.3.3 Ketua juruaudit hendaklah menyelaraskan bagaimana penemuan audit dilaporkan dalam mesyuarat penutup.

 <b>CIAST</b> <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	NO. RPD : 0
		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 8 DRPD 9

- 5.4.3.4 Juruaudit hendaklah mendapatkan persetujuan auditee untuk tindakan pembaikan dan menetapkan tarikh siap tindakan pembaikan yang akan dilakukan.
- 5.4.3.5 Juruaudit hendaklah menjalankan semakan ke atas tindakan pembaikan pada tarikh siap tindakan pembaikan yang dipersetujui oleh auditee.
- 5.4.3.5 Ketua juruaudit hendaklah mengemukakan **LAPORAN AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN** kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan /Pegawai Keselamatan dan Kesihatan selewat-lewatnya 7 hari bekerja selepas mesyuarat penutup. Laporan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut;
- a. Objektif dan skop audit.
  - b. Senarai nama pasukan audit.
  - c. Jadual Audit Keselamatan dan Kesihatan (*No. Dokumen : BKKP-05-01*).
  - d. **LAPORAN STATUS AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN** (*No. Dokumen : BKKP-05-04*).
  - e. Senarai Semak Audit Keselamatan Dan Kesihatan (*No. Dokumen : BKKP-05-02*).
  - f. Borang Laporan Ketakakuran (NCR) *No. Dokumen : BKKP-05-03*.

## 6.0 LAMPIRAN

- 6.1 LAMPIRAN 05-01 - Carta Alir Proses Audit Keselamatan dan Kesihatan.

 <b>CIAST</b> <b>CIAST-PKKP-05</b>	<b>PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN</b>	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	<b>AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	TKH. KUATKUASA : 01.10.09 MUKA SURAT : 9 DRPD 9

## 7. REKOD KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Bil.	Rekod	No. Dokumen	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Jadual Audit Keselamatan dan Kesihatan	BKKP-05-01	Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 tahun
2.	Senarai Semak Audit Keselamatan dan Kesihatan	BKKP-05-02	Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 tahun
3.	Laporan Ketakakuran (NCR)	BKKP-05-03	Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 tahun
4.	Laporan Status Audit Keselamatan Dan Kesihatan	BKKP-05-04	Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 tahun
5.	Laporan Audit Keselamatan Dan Kesihatan	-	Unit Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3 tahun



PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN  
PETI SURAT 7012, JALAN PETANI 19/1,  
SEKSYEN 19, 40900 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN  
NO. TEL : 03 55438200 NO. FAX : 03 55411508

## CARTA ALIR PROSES AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN

